

## GAYA ASUHAN KEIBUBAAPAN DALAM PERKEMBANGAN PERSONALITI AWAL DEWASA

### *Parenting Styles in Early Adulthood Personality Development*

Hakima Adila Binti Mohd Bisman & Aslina binti Ahmad\*

*Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

\*Corresponding author: [aslina.ahmad@fpm.upsi.edu.my](mailto:aslina.ahmad@fpm.upsi.edu.my)

**Published:** 10 December 2024

**To cite this article (APA):** Mohd Bisman, H. A., & Ahmad, A. (2024). Gaya asuhan keibubapaan dalam perkembangan personaliti awal dewasa. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(Isu Khas 3), 102–115. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp3.10.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp3.10.2024>

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka gaya asuhan keibubapaan dalam perkembangan personaliti awal dewasa. Terdapat tiga aspek yang diteroka iaitu ciri-ciri gaya asuhan, faktor-faktor perkembangan personaliti, dan kesan gaya asuhan terhadap perkembangan personaliti. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk asas fenomenologi digunakan dalam kajian ini. Seramai tiga orang peserta kajian yang terdiri daripada pelajar Kaunseling Keluarga dan Keibubapaan daripada sebuah universiti tempatan dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Prosedur pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan protokol temu bual separa berstruktur. Kesan dan kebolehpercayaan data dilakukan daripada pelbagai sumber data dan semakan daripada pakar. Hasil analisis data temu bual menunjukkan bahawa terdapat 9 tema yang telah dikenalpasti. Terdapat empat tema untuk aspek ciri-ciri gaya asuhan iaitu gaya asuhan autoritatif, gaya asuhan autoritarian, gaya asuhan permisif dan gaya asuhan diferensiasi anak. Tiga tema diperolehi bagi faktor perkembangan personaliti merangkumi pengaruh persekitaran, komunikasi dan diri sendiri, manakala terdapat dua tema yang dikenalpasti untuk aspek kesan iaitu kesan positif dan kesan negatif. Dapatan kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa gaya asuhan keibubapaan boleh memainkan peranan penting dalam pembentukan personaliti anak-anak sehingga dewasa. Oleh itu, ibu bapa perlu cakna tentang gaya keibubapaan yang sesuai agar dapat membentuk anak secara holistik. Kajian lanjutan juga boleh dilakukan agar mendalami lebih lanjut isu berkaitan pembentukan psikologi perkembangan anak daripada gaya asuhan ibu bapa berdasarkan kajian kes yang menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif.

**Kata kunci:** gaya asuhan keibubapaan, perkembangan personaliti, perkembangan awal dewasa, Teori Baumrind, Teori Psikososial Erik Erikson

### ABSTRACT

*This study was conducted to explore parenting styles in the development of early adult personality. Three aspects were explored: characteristics of parenting styles, factors in personality development, and the impact of parenting styles on personality development. A qualitative approach with a phenomenological design was used in this study. Three participants, students in family and parenting counseling from a local university, were selected through purposive sampling. Data collection was conducted using a semi-structured interview protocol. Data credibility and reliability were ensured through various data sources and expert reviews. Interview data analysis identified nine themes. Four themes emerged for the characteristics of parenting styles: authoritative, authoritarian, permissive, and child differentiation styles. Three themes were identified for personality development factors, including environmental influence, communication, and self-identity, while two themes were identified for impacts: positive effects and negative effects. Overall, the study findings indicate that parenting styles can play a*

*significant role in shaping children's personalities into adulthood. Therefore, parents should be aware of suitable parenting styles to foster their children holistically. Further studies could explore the psychological development of children shaped by parenting styles through case studies employing both qualitative and quantitative methods.*

**Keywords:** *parenting styles, personality development, early adult development, Baumrind's Theory, Erik Erikson's Psychosocial Theory*

## PENGENALAN

Manusia bersifat unik dengan pelbagai jenis kerendah dan personaliti. Faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan personaliti dalam diri manusia adalah kompleks. Portal My Health Kementerian Kesihatan Malaysia (2017) merumuskan bahawa pembentukan personaliti dan tingkah laku manusia mempunyai hubungannya yang erat dengan isu kekeluargaan. Oleh itu, tingkah laku ibu bapa amat penting dalam perkembangan psikologi awal dewasa.

Ibu bapa merupakan 'guru' pertama kepada anak-anak di rumah, dan anak-anak mempelajari pelbagai perkara sama ada baik atau buruk menerusi didikan awal yang diterima di rumah. Menurut Norhasima (2023), peranan ibu bapa adalah tunjang utama dalam pembentukan personaliti manusia termasuk awal dewasa. Jelas di sini bahawa gaya asuhan keibubapaan adalah perkara yang amat dititikberatkan dalam mendidik anak-anak sepanjang proses perkembangan mereka. Hal ini kerana ibu bapa merupakan agen sosialisasi yang terawal dan terdekat dengan anak-anak (Siti Nazhirah, 2021).

Umumnya, terdapat empat gaya keibubapaan utama yang sering diperkatakan. Pertama, gaya autoritatif yang menggabungkan disiplin tegas dan sokongan emosi yang tinggi, cenderung menghasilkan anak-anak dengan harga diri tinggi, kemahiran sosial baik, dan tingkah laku bertanggungjawab (Syamimi et al., 2021). Kedua, gaya autoritarian yang keras dan kurang mesra sering menyebabkan anak-anak mengalami perasaan rendah diri, kurang keyakinan, dan mempunyai masalah kemahiran sosial (Mohd Fikri, 2021). Seterusnya, gaya permisif, di mana ibu bapa sangat lembut dan kurang menegaskan peraturan, biasanya menghasilkan anak-anak yang kurang disiplin dan bertanggungjawab (Nur Aina Najiehah & Wan Shahrazad, 2022). Akhirnya, gaya pengabaian atau *neglectful*, di mana ibu bapa tidak terlibat atau kurang memberi perhatian yang boleh menyebabkan anak-anak mengalami masalah emosi serius dan rendah diri (Syafiqah et al., 2021).

Perkembangan personaliti awal dewasa pula merujuk kepada proses di mana individu membentuk dan mengukuhkan ciri-ciri personaliti mereka ketika memasuki fasa awal dewasa biasanya dalam lingkungan umur 18 hingga 25 tahun (Arnett, 2000; Erikson, 1968). Pada fasa ini, individu mula menghadapi pelbagai pengalaman hidup yang signifikan seperti memulakan kerjaya, menjalin hubungan romantik yang lebih serius, dan mengembangkan identiti yang lebih mantap.

Dalam konteks ini, adalah penting bagi ibu bapa untuk memahami impak gaya keibubapaan mereka terhadap perkembangan anak-anak. Pendidikan keibubapaan yang menyeluruh dan sokongan dari komuniti juga memainkan peranan dalam membantu ibu bapa untuk mengamalkan gaya asuhan yang lebih efektif. Melalui pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan mereka, ibu bapa dapat membimbing anak-anak mereka ke arah perkembangan personaliti yang positif dan matang.

Teori Baumrind turut menegaskan tentang hubungan antara gaya keibubapaan dan tingkah laku kanak-kanak. Penerangan ini disokong oleh hasil kajian yang dijalankan oleh Nurul Hudani et al. (2019), yang menunjukkan bahawa konflik dalam keluarga boleh menjadi faktor penyebab ketidakstabilan emosi yang selanjutnya mendorong remaja kepada tingkah laku devian dan delinkuen.

Kajian-kajian lepas banyak menggunakan pendekatan kuantitatif (Mariana, Aiman Syahirah, 2021; Nur Aina Najiehah & Wan Shahrazad, 2022; dan Rizqiyah, 2021) yang kurang mengungkapkan secara mendalam pengalaman dan persepsi individu tentang gaya asuhan keibubapaan. Tambahan pula, Hassan dan Sen (2019) menegaskan bahawa dalam tempoh dua dekad terakhir ini, kebanyakan kajian mengenai keibubapaan di Malaysia adalah berbentuk kuantitatif. Kajian Hassan dan Sen (2019) mendapati bahawa 91.07% kajian menggunakan pendekatan kuantitatif, sementara hanya 7.14% adalah kajian kualitatif dan 1.79% menggunakan pendekatan *mixed-method*. Hal ini menunjukkan terdapat jurang yang perlu diisi dengan kajian kualitatif untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang aspek keibubapaan di Malaysia (Hassan & Sen, 2019).

Pemilihan kategori awal dewasa dalam kajian ini adalah berdasarkan fakta bahawa kajian-kajian lepas kurang meneroka kumpulan ini, walaupun awal dewasa merupakan kategori yang sesuai untuk diteroka pengalaman kerana aras pemikiran yang bersesuaian dan lebih matang. Statistik menunjukkan bahawa 60 peratus kajian mengenai perkembangan personaliti di Malaysia lebih tertumpu kepada kanak-kanak dan remaja, sementara hanya 15% yang memfokuskan kepada awal dewasa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Selain itu, perbezaan dapatan kajian mengenai kesan gaya asuhan ibu bapa terhadap perkembangan psikologi anak turut diperolehi dalam kajian lepas. Kajian Shahlal et al. (2021) menegaskan bahawa gaya asuhan keibubapaan memainkan peranan penting dalam menangani masalah disiplin pelajar di sekolah. Dapatan ini turut disokong oleh dapatan kajian Sanvictores dan Mendez (2022), yang mendapati bahawa gaya asuhan ibu bapa secara signifikan mempengaruhi perkembangan personaliti anak-anak. Sebaliknya, hasil kajian Tarmizi dan Wan Sulaiman (2022) menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara gaya asuhan keibubapaan dan tingkah laku negatif anak-anak.

Akhir sekali, laporan Jabatan Pendidikan Malaysia (2019) yang menekankan pentingnya memahami dinamika keluarga dan keibubapaan dalam konteks pendidikan dengan lebih mendalam. Oleh itu, kajian kualitatif ini dijalankan untuk meneroka tentang pengalaman asas golongan awal dewasa berkaitan gaya didikan ibu bapa mendidik dan bagaimana anak-anak menerima serta menginterpretasi gaya asuhan tersebut. Selain itu, diharapkan agar kajian ini dapat memberikan sumbangan dalam bidang psikologi pendidikan dan keibubapaan, serta memberi maklumat asas kepada ibu bapa, pendidik, dan pembuat dasar dalam usaha mereka untuk menyokong perkembangan personaliti yang sihat dan seimbang dalam kalangan awal dewasa.

## OBJEKTIF

Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi meneroka:

- i) Ciri-ciri gaya asuhan keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa,
- ii) Faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan gaya asuhan keibubapaan dalam konteks perkembangan personaliti, dan
- iii) Kesan gaya asuhan keibubapaan terhadap perkembangan personaliti golongan awal dewasa.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, yang bertujuan untuk meneroka pengalaman peserta kajian dengan mendalam berkaitan gaya asuhan keibubapaan dan impaknya terhadap perkembangan personaliti dalam kalangan awal dewasa. Reka bentuk asas fenomenologi digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk memahami bagaimana peserta kajian menginterpretasi dan mengalami fenomena gaya asuhan yang diterima semasa mereka membesar. Kajian fenomenologi adalah sesuai kerana ia memberikan tumpuan kepada makna subjektif (Yolanda et. al., 2024) dan pengalaman hidup yang kompleks dalam konteks kajian.

Kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan dalam kajian ini. Peserta kajian terdiri daripada tiga orang pelajar universiti yang berada dalam lingkungan umur awal dewasa, iaitu antara 21 hingga 25 tahun. Selain itu, kaedah persampelan ini merupakan kaedah persampelan bukan kebarangkalian dan berlaku apabila elemen yang dipilih menepati pertimbangan pengkaji (Ika Lenaini, 2021) dan dipilih kerana kajian ini lebih mementingkan kedalaman data daripada saiz sampel. Ini bermakna, pengkaji memberi fokus kepada kumpulan kecil yang dapat memberikan maklumat kaya yang berkaitan dengan fenomena yang dikaji. Walaupun jumlah peserta kajian kecil, ia mencukupi untuk mendapatkan pemahaman mendalam tentang kesan gaya keibubapaan dalam konteks perkembangan personaliti.

Pelajar universiti dimasukkan sebagai kriteria pensampelan kajian ini memandangkan mereka telah mencapai tahap kematangan yang sesuai untuk memberikan pandangan yang mendalam mengenai

gaya asuhan keibubapaan dan kesannya terhadap perkembangan personaliti mereka (Arnett, 2000). Pemilihan mereka adalah berdasarkan pengalaman yang relevan dengan gaya asuhan ibu bapa yang mereka alami serta kesediaan mereka untuk berkongsi pengalaman secara mendalam. Hal ini turut ditegaskan oleh Creswell (2013) yang menyatakan tentang pemilihan kriteria kajian haruslah berdasarkan ciri yang relevan dengan objektif kajian untuk memastikan data yang diperoleh adalah tepat dan bermakna.

Data dalam kajian ini dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur (*semi-structured interviews*). Temu bual separa berstruktur memberikan fleksibiliti kepada pengkaji untuk mengikuti aliran perbualan, di samping memastikan persoalan utama kajian dijawab. Protokol soalan temu bual telah disediakan dan untuk memastikan kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) dalam kajian ini, beberapa langkah telah diambil. Pertama, protokol temu bual disahkan oleh tiga orang pakar pnsyarah dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling, merupakan pakar dalam bidang keibubapaan dan merupakan Kaunselor Berdaftar. Dengan komen yang membina, soalan yang disenaraikan adalah relevan dan sesuai untuk menjawab persoalan kajian.

Temu bual dijalankan dalam suasana yang selesa untuk memastikan peserta kajian dapat berkongsi pengalaman mereka secara bebas dan tanpa tekanan. Semua temu bual direkodkan dan kemudian ditranskripkan untuk tujuan analisis. Tempoh setiap temu bual adalah sekitar satu jam, bergantung kepada tahap keterbukaan dan kesediaan peserta kajian dalam berkongsi pengalaman.

Analisis data dilakukan dengan menggunakan analisis tematik berdasarkan model 3 C's Lichtman (2010) yang melibatkan pengkodan, pengkategorian, dan pembentukan konsep untuk membantu kefahaman yang lebih mendalam. Proses analisis dimulakan dengan pengkodan data yang diperoleh daripada transkrip temu bual. Pengkodan adalah langkah penting di mana tema-tema utama dikenalpasti daripada jawapan peserta kajian. Langkah kedua adalah pengkategorian, di mana kod-kod yang berkaitan dikumpulkan untuk membentuk kategori yang lebih besar. Kategori ini menggambarkan pola-pola yang muncul daripada data yang merangkumi elemen-elemen utama gaya asuhan keibubapaan dan kesannya terhadap perkembangan personaliti awal dewasa. Langkah ketiga adalah pembentukan konsep, di mana kategori-kategori utama dianalisis secara mendalam untuk membina konsep-konsep utama (Lichtman, 2010) yang menjawab persoalan kajian. Analisis ini memberi tumpuan kepada bagaimana pengalaman gaya asuhan ibu bapa diterjemahkan ke dalam perkembangan personaliti awal dewasa.

Kajian ini mematuhi garis panduan etika penyelidikan iaitu semua peserta kajian dimaklumkan mengenai tujuan dan prosedur kajian sebelum kajian dijalankan. Creswell (2013) menekankan bahawa mendapatkan persetujuan termaklum adalah kewajiban etika asas dalam pengkajian kualitatif, dan menjaga kerahsiaan adalah kritikal untuk melindungi privasi dan maklumat sensitif peserta kajian. Kerahsiaan peserta kajian dijaga dengan memastikan bahawa identiti mereka dirahsiakan dalam semua laporan kajian. Selain itu, persetujuan bertulis diperoleh daripada semua peserta kajian sebelum proses pengumpulan data dimulakan.

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pemahaman awal mengenai gaya asuhan keibubapaan dan impaknya terhadap perkembangan personaliti awal dewasa. Penggunaan pendekatan asas fenomenologi, bersama kaedah temu bual separa berstruktur dan analisis tematik digunakan sebagai data awal yang dapat memberi gambaran mengenai isu yang dikaji.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Persoalan Kajian Pertama: Apakah Ciri-ciri Gaya Asuhan Keibubapaan yang Diamalkan Oleh Ibu Bapa?**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga peserta kajian (PK1, PK2, dan PK3) menjelaskan tentang ciri gaya asuhan autoritatif. Berdasarkan Jadual 1, didapati bahawa majoriti peserta kajian menyatakan bahawa Gaya Asuhan Autoritatif adalah fleksibiliti di dalam asuhan diikuti dengan harapan ibu bapa terhadap anak. Hanya seorang peserta kajian yang menyatakan bahawa ciri gaya asuhan autoritatif merangkumi komunikasi dan keterbukaan. Hal ini menunjukkan bahawa ibu bapa memberikan kebebasan kepada anak-anak dalam membuat keputusan tetapi masih mengawasi perkembangan mereka.

**Jadual 1** Triangulasi Soalan Kajian 1 Tema 1

Tema	Kategori	PK1	PK2	PK3
<b>Gaya Asuhan Autoritatif</b>	Fleksibiliti dalam asuhan	/	/	/
	Harapan terhadap anak	/		/
	Komunikasi dan keterbukaan	/		

Seterusnya, hasil dapatan Jadual 2 pula mendapati hanya dua peserta kajian (PK2, dan PK3) yang menyentuh tentang gaya asuhan autoritarian. Antara ciri ibu bapa yang dinyatakan oleh kedua-dua peserta kajian dalam Gaya Asuhan Autoritarian adalah ketegasan yang tinggi dan kepatuhan kepada arahan tanpa ruang untuk perbincangan. PK 2 menyatakan bahawa “Ibu bapa tegas” manakala PK 3 pula menyentuh tentang “tiada kompromi dan tegas”. PK 3 menambah satu ciri lagi iaitu menghukum tanpa penjelasan bagi gaya asuhan autoritarian dengan menyatakan bahawa “Hukuman diberikan macam tu sahaja. Tiada penjelasan pun”.

**Jadual 2** Triangulasi Soalan Kajian 1 Tema 2

Tema	Kategori	PK1	PK2	PK3
<b>Gaya Asuhan Autoritarian</b>	Ketegasan		/	/
	Kepatuhan kepada arahan		/	/
	Hukum tanpa penjelasan			/

Berdasarkan Jadual 3, hanya seorang peserta kajian (PK 1) yang menyebut tentang Gaya Asuhan Permisif. Antara ciri yang dinyatakan bagi gaya asuhan permisif adalah memberi kebebasan yang melampau tanpa pengawasan yang memadai. PK 1 turut menyatakan bahawa “apabila kebebasan yang diberikan oleh ibu bapa ini melampau, maka tiada bimbingan dalam membuat keputusan yang bijak. Hal ini satu pengabaian”.

**Jadual 3** Triangulasi Soalan Kajian 1 Tema 3

Tema	Kategori	PK1	PK2	PK3
<b>Gaya Asuhan Permisif</b>	Kebebasan yang melampau	/		
	Pengabaian	/		

Selain itu, PK 1 turut menyatakan terdapat gaya asuhan diferensiasi anak. Merujuk Jadual 4, ibu bapa yang menunjukkan Gaya Asuhan Diferensiasi Anak melayan anak secara berbeza. PK 1 menyatakan bahawa “anak-anak dibezakan dan dijaga ikut jantungina, ada yang layan anak ikut ciri anak”. Hal ini menunjukkan Gaya Asuhan Diferensiasi Anak berdasarkan PK1 adalah perbezaan gaya asuhan berdasarkan gender dan keperibadian anak.

**Jadual 4** Triangulasi Soalan Kajian 1 Tema 4

Tema	Kategori	PK1	PK2	PK3
<b>Gaya Asuhan Diferensiasi Anak</b>	Perbezaan gender	/		
	Diskriminasi gaya asuhan antara anak	/		

**Persoalan Kajian Kedua: Apakah Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Perkembangan Personaliti?**

Untuk menjawab soalan kajian kedua, pula, Jadual 5, 6 dan 7 menunjukkan bahawa terdapat 3 tema berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan personaliti iaitu faktor komunikasi, faktor pengaruh persekitaran dan faktor diri sendiri. Merujuk Jadual 5, PK 1 dan PK 3 menyatakan bahawa faktor pengaruh persekitaran yang sering dilihat mempengaruhi perkembangan personaliti adalah peranan rakan sebaya. PK 1 menyatakan bahawa “kehadiran rakan sebaya yang baik membantu

saya bercampur dengan orang lain”, manakala PK 3 menegaskan tentang “dengan kawan, saya faham dan terima nilai-nilai yang diajar oleh ibu bapa saya”.

Selain itu, berdasarkan Jadual 5 juga, faktor pembelajaran dan pengaruh persekitaran dinyatakan oleh kedua-dua peserta kajian (PK 1 dan PK 3) sebagai faktor yang juga membentuk perkembangan sosial dan personaliti anak-anak. PK 1 menyebut tentang “apabila sekolah dan belajar, ia membantu diri sdaya berkembang dengan baik”, manakala PK 3 pula menyatakan bahawa “apabila orang disekeliling saya positif, saya dapat berinteraksi dengan baik”.

**Jadual 5** Triangulasi Soalan Kajian 2 Tema 1

<b>Tema</b>	<b>Kategori</b>	<b>PK1</b>	<b>PK2</b>	<b>PK3</b>
<b>Pengaruh</b>	Pengaruh rakan	/		/
<b>Persekitaran</b>	Pembelajaran dari persekitaran	/		/
	Pembelajaran dari pengalaman sendiri	/		/

Berdasarkan Jadual 6, ketiga-tiga peserta kajian menyebut tentang komunikasi. Terdapat dua peserta kajian kajian (PK 1 dan PK 3) yang menyatakan bahawa komunikasi berkesan merupakan faktor yang membantu perkembangan personaliti diri mereka. Hal ini dinyatakan oleh PK 1 dengan “faktor komunikasi yang baik seperti dialog terbuka antara ibu bapa dan anak-anak bantu kita percaya pada diri sendiri”, manakala PK 3 pula menegaskan tentang “komunikasi yang bagus membuatkan saya percaya pada diri dan saya boleh berinteraksi dengan lebih baik. Komunikasi yang terbuka membolehkan anak-anak rasa lebih didengari dan dihargai. Inilah yang mempengaruhi perkembangan personaliti secara positif”.

Selain itu, PK 1 menambah satu lagi ciri dalam faktor komunikasi iaitu sokongan dan galakan. PK 1 menyatakan bahawa “Ibu bapa yang selalu sokong dan bagi galakan dapat membuatkan saya rasa lebih berharga”. Berbeza dengan PK 2 yang hanya menyentuh tentang larangan pergaulan dalam berkomunikasi iaitu “Ibu bapa apabila cakap selalu sentuh tentang adab pergaulan. apa yang boleh buat dan apa yang tak boleh. akhirnya bentuk saya lebih berdisiplin”.

**Jadual 6** Triangulasi Soalan Kajian 2 Tema 2

<b>Tema</b>	<b>Kategori</b>	<b>PK1</b>	<b>PK2</b>	<b>PK3</b>
<b>Komunikasi</b>	Komunikasi berkesan	/		/
	Sokongan dan galakan	/		
	Larangan pergaulan		/	

Merujuk Jadual 7 pula, faktor diri sendiri dinyatakan oleh PK 2 dan PK 3 sahaja. Antara yang ditekankan oleh PK 2 adalah keyakinan diri iaitu “faktor yang membentuk personaliti anak-anak adalah keyakinan diri yang diperoleh daripada ibu bapa... Anak-anak yang mempunyai motivasi dalaman yang kuat dan yakin lebih mudah menerima dan memanfaatkan nilai-nilai yang diajar oleh ibu bapa. ini seterusnya memperkuat perkembangan personaliti mereka”. Sebaliknya, PK 3 menyentuh tentang faktor kesedaran diri sebagai faktor yang mempengaruhi perkembangan personaliti anak-anak iaitu “anak sedar tentang kekuatan dan kelemahan diri. ini yang bantu mereka berkembang dengan baik”.

**Jadual 7** Triangulasi Soalan Kajian 2 Tema 3

<b>Tema</b>	<b>Kategori</b>	<b>PK1</b>	<b>PK2</b>	<b>PK3</b>
<b>Diri Sendiri</b>	Keyakinan diri sendiri		/	
	Sedar diri			/

**Persoalan Kajian Ketiga: Sejauhmanakah Kesan Gaya Asuhan Keibubapaan terhadap Perkembangan Personaliti?**

Jadual 8 dan Jadual 9 menunjukkan terdapat 2 tema yang muncul bagi melihat kesan gaya asuhan ibu bapa terhadap perkembangan personaliti anak-anak iaitu kesan positif dan kesan negatif. Berdasarkan Jadual 8, didapati setiap kategori dalam kesan positif turut disentuh oleh dua orang peserta kajian. Antaranya kesan positif yang diterima adalah disiplin diri (PK 2 dan PK 3). PK 2 menyatakan bahawa “kesan positif personaliti, seperti disiplin diri. dengan lebih yakin, kemahiran sosial pun baik”. Manakala PK 3 pula turut menyentuh tentang disiplin juga dengan menyentuh tentang “bagus dapat tingkatkan disiplin”.

**Jadual 8** Triangulasi Soalan Kajian 3 Tema 1

Tema	Kategori	PK1	PK2	PK3
<b>Kesan Positif</b>	Displin diri		/	/
	Berfikiran matang	/		/
	Hormat		/	/
	Berdikari	/		

PK 2 dan PK 3 turut menyentuh tentang kesan positif iaitu hormat hasil daripada gaya asuhan ibu bapa. PK 2 menyatakan “kesan mak ayah didik menyebabkan kita hormat pada mereka, hormat pada orang lain”, manakala PK 3 menyentuh tentang “bila mak ayah jaga kita, kita hormat mereka, tu yang membuatkan kita juga hormat pada orang lain”. Bagi PK 1 dan PK 3 pula, aspek berfikiran matang disenaraikan sebagai kesan positif gaya asuhan ibu bapa. PK 1 menyatakan bahawa “apabila ada cabaran, boleh atasi dengan lebih baik, lebih matang”, manakala PK 3 pula menyatakan “boleh atasi cabaran sosial dengan lebih baik. dah besar dan matang”.

Akhir sekali, PK 1 ada menyebut tentang berdikari apabila membincangkan tentang kesan gaya asuhan ibu bapa terhadap dirinya. PK 1 menyatakan “saya mampu berdikari dan boleh atasi cabaran sosial dengan lebih baik. inilah kesan gaya asuhan ibu bapa saya”. Sebaliknya, terdapat juga kesan negatif yang dinyatakan oleh ketiga-tiga peserta kajian kajian. Jadual 9 menunjukkan bahawa kesan negatif personaliti yang disentuh oleh kesemua peserta kajian adalah tekanan emosi. PK 1 menyatakan “adakalanya ibu bapa menyebabkan saya stres, tertekan, ganggu emosi saya”, manakala PK 2 pula menyebut tentang “kesan negatif yang boleh saya sebut adalah tertekan bila ada yang tak kena di mata ibu bapa saya, membuatkan saya tidak tenang”. Pk3 turut menyatakan perkara yang sama iaitu “ada kalanya bengang juga terutamanya masa kena marah... stres giler”.

PK 1 dan PK 2 turut menyatakan bahawa akan terdapat pemikiran negatif apabila gaya asuhan yang tidak disukai digunakan oleh ibu bapa mereka. PK 1 menyatakan bahawa “ada masanya ibu bapa saya buat saya rasa diri saya ni macam tak berguna... semua yang ada dalam kepala jadi negatif sahaj”, manakala PK 2 pula menyentuh tentang “rasa seperti rendah diri dan sukar urus pemikiran negatif yang datang macam aku bukan anak yang baik”.

Tingkah laku negatif turut dikemukakan oleh PK 2 dan PK 3. PK 2 menyatakan bahawa “apabila tak seronok, saya mula rasa tak nak campur dengan orang lain, baik menyendiri”. PK 3 pula menyebut tentang “susah nak cakap dengan orang lain, mungkin sebab mak ayah garang sangat”.

**Jadual 9** Triangulasi Soalan Kajian 3 Tema 1

Tema	Kategori	PK1	PK2	PK3
<b>Kesan Negatif</b>	Tekanan Emosi	/	/	/
	Pemikiran negatif	/	/	
	Tingkah laku negatif		/	/

## **PERBINCANGAN**

### **Persoalan Kajian Pertama: Apakah Ciri-ciri Gaya Asuhan Keibubapaan yang Diamalkan Oleh Ibu Bapa?**

Hasil kajian mendapati terdapat 4 tema berkaitan dengan ciri-ciri gaya asuhan keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa iaitu Gaya Asuhan Autoritatif, Gaya Asuhan Autoritarian, Gaya Asuhan Permisif, dan Gaya Asuhan Diferensiasi Anak. Untuk Gaya Asuhan Autoritatif, komunikasi dua hala yang terbuka dan fleksibiliti dalam pengasuhan dalam gaya asuhan ibu bapa merupakan ciri utama gaya asuhan autoritatif. Ibu bapa ini memberikan kebebasan kepada anak-anak dalam membuat keputusan tetapi masih mengawasi perkembangan mereka. Hasil kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian oleh Sanvictores dan Mendez (2022) yang mengatakan bahawa gaya asuhan autoritatif yang menekankan komunikasi terbuka dan fleksibiliti dapat meningkatkan keyakinan diri, tanggungjawab, dan prestasi akademik anak-anak.

Seterusnya, ibu bapa yang cenderung kepada Gaya Asuhan Autoritarian menunjukkan ketegasan yang tinggi dan kepatuhan kepada arahan tanpa ruang untuk perbincangan daripada peserta kajian. Hasil kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian oleh Shahlal et al., (2021) yang mengatakan bahawa walaupun gaya asuhan autoritarian dapat membina disiplin dan kepatuhan yang tinggi dalam diri anak-anak, namun ia juga boleh membantutkan kreativiti dan mengurangkan keyakinan diri serta memburukkan hubungan antara ibu bapa dan anak-anak.

Gaya Asuhan Permisif pula merujuk kepada memberi kebebasan yang melampau tanpa pengawasan yang memadai. Hasil kajian tersebut mempunyai persamaan dengan kajian oleh Tarmizi dan Sulaiman (2022), yang mengatakan bahawa kebebasan yang berlebihan tanpa bimbingan boleh menyebabkan anak-anak merasa terabaikan dan menghadapi masalah dalam membuat keputusan yang baik serta pengaturan emosi.

Akhir sekali, hasil dapatan kajian menunjukkan ibu bapa juga menunjukkan Gaya Asuhan Diferensiasi Anak, iaitu yang dapat dilihat dengan ketara oleh peserta kajian sebagai perbezaan dalam pengasuhan berdasarkan gender dan keperibadian anak. Hasil kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian oleh Yazan (2021), yang mengatakan bahawa gaya asuhan diferensiasi anak, apabila dilakukan dengan penjelasan yang baik, dapat membantu dalam mengembangkan potensi unik setiap anak, tetapi jika tidak, ia boleh menyebabkan rasa ketidakseimbangan dan ketidakadilan dalam keluarga.

### **Persoalan Kajian Kedua: Apakah Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Gaya Asuhan Keibubapaan dalam Konteks Perkembangan Personaliti?**

Hasil kajian mendapati terdapat 3 tema berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan gaya asuhan keibubapaan dalam konteks perkembangan personaliti iaitu faktor komunikasi, faktor pengaruh persekitaran dan faktor diri sendiri. Rumusan hasil dapatan ini menunjukkan pelbagai faktor diketengahkan oleh peserta kajian. Antaranya adalah faktor komunikasi yang efektif, seperti dialog terbuka antara ibu bapa dan anak-anak, menunjukkan peningkatan kepercayaan diri dan kebolehan anak-anak untuk berinteraksi dengan lebih baik. Komunikasi yang terbuka membolehkan anak-anak merasa lebih didengari dan dihargai, yang seterusnya mempengaruhi perkembangan personaliti mereka secara positif. Persamaan kajian yang lepas dapat dilihat oleh kajian Rizqiyah (2021) menunjukkan bahawa komunikasi terbuka dan empatik antara ibu bapa dan anak-anak adalah kunci dalam membentuk personaliti yang seimbang dan sihat.

Selain itu, berdasarkan hasil kajian, faktor pengaruh persekitaran seperti peranan rakan sebaya membentuk keberkesanan yang ketara dalam perkembangan sosial dan personaliti anak-anak. Kehadiran rakan sebaya yang positif membantu anak-anak mengembangkan kemahiran sosial yang diperlukan untuk berinteraksi dengan orang lain, serta memberi kesan kepada bagaimana mereka memahami dan menerima nilai-nilai yang diajar oleh ibu bapa. Hasil kajian tersebut mempunyai persamaan dengan kajian oleh Tharshini dan Ibrahim (2020) yang mengatakan bahawa pengaruh rakan sebaya memainkan peranan penting dalam perkembangan personaliti anak-anak, terutama dalam konteks sosialisasi dan adaptasi sosial.



Seterusnya, hasil dapatan kajian, faktor diri sendiri seperti keperibadian dan motivasi juga mempengaruhi keberkesanan gaya asuhan keibubapaan. Anak-anak yang mempunyai motivasi dalaman kuat dan keyakinan diri yang tinggi cenderung untuk lebih menerima dan memanfaatkan nilai-nilai yang diajarkan oleh ibu bapa, yang seterusnya memperkuat perkembangan personaliti mereka. Hasil kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian oleh Baharudin et al. (2019) yang mengatakan bahawa keperibadian dan motivasi dalaman anak adalah faktor kritikal yang mempengaruhi sejauh mana mereka dapat menginternalisasi dan mengaplikasikan ajaran ibu bapa dalam kehidupan seharian mereka

### **Persoalan Kajian Ketiga: Sejauhmanakah Kesan Gaya Asuhan Keibubapaan terhadap Perkembangan Personaliti?**

Hasil kajian mendapati terdapat 2 tema dan beberapa kategori yang berkaitan dengan kesan gaya asuhan keibubapaan terhadap perkembangan personaliti. Antara kesannya kepada perkembangan personaliti adalah kesan positif personaliti dan kesan negatif personaliti.

Berdasarkan hasil dapatan, peserta kajian mengatakan bahawa kesan positif personaliti seperti peningkatan keyakinan diri dan kemahiran sosial yang baik, dapat ditunjukkan oleh peserta kajian melalui interaksi yang lebih lancar dengan rakan sebaya dan dalam situasi sosial yang lain. Peserta kajian menunjukkan bahawa mereka mampu menangani cabaran sosial dengan lebih baik, yang merupakan hasil daripada gaya asuhan yang menyokong komunikasi terbuka dan empati. Kajian oleh Syafiqah et al., (2021) mendapati bahawa gaya asuhan autoritatif, yang menekankan aspek komunikasi terbuka dan sokongan emosi, mempunyai kaitan yang kuat dengan perkembangan personaliti positif seperti keyakinan diri dan kemahiran sosial yang baik. Begitu juga, kajian oleh Hiang dan Kutty (2021) menunjukkan bahawa gaya asuhan yang positif dapat meningkatkan keyakinan diri anak dan membina hubungan sosial yang lebih kukuh.

Selain itu, berdasarkan hasil kajian, kesan negatif personaliti seperti rendah diri dan kesukaran dalam menguruskan emosi membentuk personaliti peserta kajian yang cenderung untuk menarik diri dari situasi sosial dan menghadapi masalah dalam menangani tekanan. Hasil kajian mendapati bahawa mereka mengalami kesulitan dalam berinteraksi dengan orang lain, yang mungkin disebabkan oleh gaya asuhan yang terlalu autoritarian atau tidak menyokong ekspresi emosi. Dapatan ini menyokong kajian Hiang dan Kutty (2021) yang mengatakan bahawa gaya asuhan autoritarian atau pengabaian emosi boleh menyebabkan anak-anak berkembang dengan perasaan rendah diri dan menghadapi kesukaran dalam pengurusan emosi serta gaya pengabaian memberikan kesan negatif terhadap pembentukan kecerdasan emosi murid Iban. Kajian oleh Sa'ari et al., (2019) juga menyokong dapatan ini dengan menunjukkan bahawa kanak-kanak yang dibesarkan dalam persekitaran yang kurang menyokong secara emosi cenderung untuk mengalami masalah personaliti seperti kecemasan dan kemurungan.

### **IMPLIKASI**

Dalam kajian ini, teori-teori yang digunakan telah terbukti membantu memahami bagaimana gaya keibubapaan mempengaruhi perkembangan personaliti awal dewasa. Penggunaan Teori Baumrind mengenai gaya keibubapaan dan Teori Psikososial Erik Erikson membolehkan kajian ini menganalisis dengan lebih mendalam hubungan antara pendekatan keibubapaan dan kesan psikososial terhadap individu. Teori Baumrind yang memperkenalkan konsep empat jenis gaya keibubapaan (autoritatif, autoritarian, permisif, dan pengabaian) telah memberikan kerangka kerja yang sistematik untuk menilai dan mengkategorikan corak asuhan ibu bapa. Ini sangat membantu dalam mengenal pasti bagaimana setiap gaya keibubapaan dapat membawa kepada hasil yang berbeza dalam perkembangan personaliti anak-anak, terutamanya dalam peringkat awal dewasa.

Selain itu, Teori Psikososial Erik Erikson masih relevan kerana ia memberikan perspektif yang mendalam tentang bagaimana setiap tahap perkembangan psikososial dari bayi hingga dewasa mempengaruhi pembentukan identiti dan kesejahteraan emosi. Walaupun kedua-dua teori ini sangat signifikan dan relevan, kajian ini juga mencadangkan penggunaan teori tambahan seperti Gaya Asuhan Diferensiasi Anak untuk memperluas pemahaman mengenai perbezaan individu dalam respons

terhadap pelbagai gaya keibubapaan. Gaya asuhan diferensiasi menekankan bagaimana pendekatan keibubapaan perlu disesuaikan dengan ciri-ciri individu anak-anak, yang dapat memberikan pandangan yang lebih komprehensif dan holistik dalam konteks perubahan sosial dan teknologi masa kini.

Dengan menggabungkan teori-teori ini, kajian ini dapat memberikan asas kefahaman dalam memahami dinamika keibubapaan dan pengaruhnya terhadap perkembangan personaliti awal dewasa. Ini sekaligus menawarkan panduan awal untuk ibu bapa, pendidik, dan pembuat dasar dalam melihat dan mengatur strategi seterusnya bagi membuat kajian seterusnya bagi pembangunan generasi yang lebih sihat dan seimbang secara emosi dan sosial.

Kajian ini memberi beberapa implikasi praktikal kepada anak-anak, ibu bapa, individu awal dewasa, dan kaunselor. Berdasarkan kepentingan kajian yang menekankan peranan gaya keibubapaan dalam membentuk perkembangan personaliti anak-anak, kajian ini menyediakan sebahagian panduan untuk diaplikasi di dalam kehidupan harian dan bidang kaunseling.

Kajian ini menekankan pentingnya gaya keibubapaan yang sesuai untuk menyokong perkembangan personaliti yang seimbang dan sihat. Anak-anak yang dibesarkan dalam persekitaran keibubapaan yang positif, yang menggabungkan disiplin dengan sokongan emosi, cenderung membuatkan anak-anak mempunyai harga diri yang tinggi, kemahiran sosial yang baik, dan keupayaan untuk membuat keputusan yang lebih baik. Oleh itu, ibu bapa harus sedar bahawa pendekatan mereka dalam mendidik anak-anak boleh membawa kesan jangka panjang terhadap kesejahteraan emosi dan sosial anak-anak mereka.

Ibu bapa perlu memahami bahawa setiap anak mempunyai keperluan dan ciri-ciri individu yang unik, yang mungkin memerlukan pendekatan keibubapaan yang disesuaikan. Kajian ini menyoroti kepentingan pendekatan yang seimbang, di mana ibu bapa memberikan disiplin yang tegas tetapi juga menyokong secara emosi. Ini bukan sahaja membantu dalam perkembangan personaliti anak tetapi juga mengurangkan risiko tingkah laku negatif dan masalah disiplin. Ibu bapa juga perlu peka terhadap peranan mereka dalam membentuk identiti dan harga diri anak-anak mereka, terutamanya semasa peringkat awal dewasa.

Kajian ini juga memberikan panduan awal kepada individu awal dewasa mengenai bagaimana pengalaman keibubapaan mereka semasa kecil boleh mempengaruhi perkembangan personaliti mereka. Kesedaran ini penting untuk mereka memahami dan mengatasi sebarang cabaran yang mungkin timbul dalam hubungan sosial dan profesional mereka. Dengan pemahaman asas ini, individu awal dewasa dapat lebih proaktif dalam mencari sokongan atau kaunseling untuk mengembangkan diri mereka ke arah yang lebih positif.

Bagi kaunselor, kajian ini memberikan satu suntikan idea awal mengenai hubungan antara gaya keibubapaan dan perkembangan personaliti. Kaunselor dapat menggunakan maklumat ini untuk membantu klien mereka, sama ada anak-anak, ibu bapa, atau individu awal dewasa, dalam mengenal pasti isu-isu yang mungkin berpunca dari gaya asuhan yang diterima. Dengan pendekatan yang lebih berfokus, kaunselor boleh memberikan intervensi yang lebih berkesan untuk membantu klien mereka mencapai kesejahteraan emosi dan sosial yang lebih baik.

Keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana gaya keibubapaan mempengaruhi perkembangan individu dari peringkat kanak-kanak hingga awal dewasa, sekaligus menyediakan panduan praktikal yang boleh digunakan oleh pelbagai pihak untuk menyokong perkembangan personaliti yang sihat dan seimbang.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberikan pandangan awal mengenai gaya asuhan keibubapaan dan kesannya terhadap perkembangan personaliti awal dewasa. Refleksi terhadap keseluruhan kajian ini menunjukkan bahawa gaya asuhan ibu bapa adalah salah satu faktor kritikal dalam membentuk personaliti anak-anak, yang boleh membawa kepada kesan positif dan negatif dalam kehidupan dewasa mereka. Kajian ini juga menegaskan kepentingan peranan ibu bapa dalam menyediakan asas yang kukuh untuk anak-anak mereka menghadapi cabaran kehidupan dewasa dengan lebih baik.

Kajian ini telah menyumbang kepada literatur sedia ada dengan beberapa penemuan awal. Pertama, kajian ini menyokong pemahaman mengenai pelbagai gaya asuhan keibubapaan, termasuk gaya asuhan autoritatif, autoritarian, permisif, dan diferensiasi anak. Kedua, penggabungan teori Gaya Asuhan Baumrind dan teori perkembangan psikososial Erik Erikson telah menyediakan perspektif yang komprehensif mengenai bagaimana interaksi antara gaya asuhan dan tahap perkembangan psikososial mempengaruhi personaliti anak-anak. Ketiga, kajian ini menekankan pentingnya komunikasi terbuka, pengaruh persekitaran, dan ciri-ciri individu dalam membentuk perkembangan personaliti, yang boleh dijadikan panduan praktikal untuk ibu bapa, pendidik, dan pembuat dasar.

Secara peribadi, menjalankan kajian ini telah memberikan saya kepuasan dan kesedaran mendalam tentang pentingnya peranan ibu bapa dalam kehidupan anak-anak mereka, bukan sahaja dari sudut disiplin tetapi juga dari segi sokongan emosi yang berterusan. Melalui penulisan dan analisis yang dilakukan, kajian ini bukan sahaja menawarkan panduan awal untuk ibu bapa dan pendidik, tetapi juga membuka ruang kepada penyelidikan masa hadapan yang lebih mendalam, khususnya dalam kajian longitudinal dan kualitatif.

Diharapkan agar kajian ini dapat memberikan sumbangan yang berharga kepada bidang psikologi pendidikan dan keibubapaan, serta menawarkan panduan praktikal yang bermanfaat dalam membentuk persekitaran keluarga yang menyokong perkembangan personaliti anak-anak. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi asas untuk kajian lanjut yang boleh memperkukuh pemahaman kita mengenai peranan keibubapaan dalam membentuk tingkah laku dan personaliti anak-anak. Dengan lebih banyak kajian seperti ini, kita dapat membantu generasi masa depan mencapai potensi penuh mereka dan memastikan mereka membesar menjadi individu yang seimbang, bertanggungjawab, dan mampu menghadapi cabaran kehidupan dengan bijaksana.

## RUJUKAN

- Abu, S. N., Amran, F. N., & Tazli, U. N. A. (2021). The Relationship between Parenting Style and Children's Social Problems in Sungai Sumun, Perak. *Selangor Humaniora Review*, 5(2), 226-240.
- Ai Hiang, L., & Mydin Kutty, F. (2021). Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Perkembangan Kecerdasan Emosi Murid Iban Di Sekolah Menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 183-192. Retrieved from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/13511>
- Ali, W. Z. W. (2001). Fenomenografi dalam penyelidikan pembelajaran. Dalam M. Yusoff (1st Ed.), *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian (205-221)*. Penerbit Universiti Malaya.
- Anderson, J., & Chen, Y. (2021). The interplay of personality traits and parenting: Implications for child development. *Journal of Applied Developmental Psychology*. doi:10.1016/j.appdev.2021.101235
- Anderson, L. (2013). Exploring Teacher Experiences in Inclusive Classrooms: Using Lichtman's 3 C's Model. *Journal of Educational Research and Practice*, 3(2), 45-56.
- Arnett, J. J. (2000). Emerging adulthood: A theory of development from the late teens through the twenties. *American Psychologist*, 55(5), 469-480.
- Baharudin, P., Zakarias, J. D., & Lumintang, J. (2019). Faktor-faktor yang mempengaruhi tingkat kenakalan remaja (suatu studi di kelurahan kombos barat kecamatan singkil kota Manado). *HOLISTIK, Journal of Social and Culture*.
- Baharudin, P., Zakarias, J. D., & Lumintang, J. (2019). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Tingkat Kenakalan Remaja: Suatu Studi di Kelurahan Kombos Barat Kecamatan Singkil Kota Manado. *Jurnal Holistik*, 12(3).
- Balqis, R. R. (2021). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Perilaku Adaptif Anak Usia Dini. *Auladuna: Jurnal Prodi Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah*, 3(1), 85-90.
- Balqis, R. R. (2021). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Perilaku Adaptif Anak Usia Dini. *Jurnal Auladuna*.
- Baumrind, D. (1991). The influence of parenting style on adolescent competence and substance use. *Journal of Early Adolescence*, 11(1), 56-95. <https://doi.org/10.1177/02724316911111004>
- Browner, W. S., Newman, T. B., Cummings, S. R., & Hulley, S. B. (1988). Getting ready to estimate sample size: Hypotheses and underlying principles. In S. B. Hulley, S. R. Cummings, W. S. Browner, D. G. Grady, & T. B. Newman (Eds.), *Designing Clinical Research* (2nd ed., pp. 51-63). Philadelphia, PA: Lippincott Williams & Wilkins.
- Bungsu, R., Rosadi, K. (2021). Faktor Yang Mempengaruhi Berpikir Sistem: Aspek Internal Dan Eksternal. *JEMSI*, 2(2), 205-215. <https://doi.org/10.31933/jemsi.v2i2.391>

- Chen, Y. (2022). The psychological impact of authoritarian parenting on children and the youth. In *Proceedings of the 2022 2nd International Conference on Modern Educational Technology and Social Sciences* (pp. 888-896). Atlantis Press. [https://doi.org/10.2991/978-2-494069-45-9\\_107](https://doi.org/10.2991/978-2-494069-45-9_107)
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches* (3rd ed.). Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2013). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Englander, M. (2012). The interview: Data collection in descriptive phenomenological human scientific research. *Journal of Phenomenological Psychology, 43*(1), 13-35.
- Erikson, E. H. (1968). *Identity: Youth and crisis*. Norton & Company.
- Fadli, M. R. (2021). *Memahami desain metode penelitian kualitatif*. Humanika: Kajian Ilmiah Mata Kuliah Umum, 21(1), 33-54. <https://doi.org/10.21831/hum.v21i1.38075>.
- Flick, U. (2007). *Designing qualitative research*. SAGE Publications.
- García, F., & Serra, E. (2019). Raising children with poor school performance: Parenting styles and short-and long-term consequences for adolescent and adult development. *International Journal of Environmental Research and Public Health, 16*(7), 1089. <https://doi.org/10.3390/ijerph16071089>
- Giorgi, A. (2010). *Phenomenology and Psychological Research*. Pittsburgh, PA: Duquesne University Press.
- Grolnick, W. S., & Pomerantz, E. M. (2019). Issues and challenges in studying parental control: Toward a new conceptualization. *Child Development Perspectives, 3*(3), 165-170. <https://doi.org/10.1111/j.1750-8606.2009.00099.x>
- Gross, R. (2020). *Psychology: The Science of Mind and Behaviour*. Hodder Education.
- Guest, G., Bunce, A., & Johnson, L. (2006). How many interviews are enough? An experiment with data saturation and variability. *Field Methods, 18*(1), 59-82.
- Hassan, A., & Sen, K. (2019). A review of parenting in a multicultural country: The Malaysian experience. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. Retrieved from <https://www.intechopen.com>
- Hosokawa, R., & Katsura, T. (2019). Role of parenting style in children's behavioral problems through the transition from preschool to elementary school according to gender in Japan. *International Journal of Environmental Research and Public Health, 16*(1), 21. <https://doi.org/10.3390/ijerph16010021>
- Johnson, M. K., Crosnoe, R., & Elder, G. H. (2017). Insights on adolescence from a life course perspective. *Journal of Research on Adolescence, 27*(4), 992-1006.
- Kamanger, F., & Islami, F. (2013). Sample size calculation for epidemiologic studies: Principles and methods. *Archives of Iranian Medicine, 16*(5), 295-300.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025: Prasekolah hingga Lepas Menengah. *Kementerian Pendidikan Malaysia*. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/Dasar/PPPM/Pelan%20Pembangunan%20Pendidikan%202013%20-%202025%20Prasekolah%20%20Lepas%20Menengah.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Dinamika keluarga dan keibubapaan dalam konteks pendidikan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. Retrieved from <https://sainsinsani.usim.edu.my>
- Kong, C., & Yasmin, F. (2022). Impact of Parenting Style on Early Childhood Learning: Mediating Role of Parental Self-Efficacy. *Frontiers in Psychology, 13*, 928629. <https://www.frontiersin.org/journals/psychology/articles/10.3389/fpsyg.2022.928629/full>
- Kuppens, S., & Ceulemans, E. (2019). Parenting styles: A closer look at a well-known concept. *Journal of Child and Family Studies, 28*(1), 168-181. <https://doi.org/10.1007/s10826-018-1242-x>
- Lee, S., & Harris, A. (2022). Peer influence on child personality development: An ecological perspective. *Journal of Social Development*. doi:10.1111/josh.12345
- Lichtman, M. (2010). *Qualitative Research in Education: A User's Guide*. Sage Publications.
- Liu, Y., Wang, Z., & Chen, X. (2021). Positive parenting practices and their impact on child development. *Child Development Research*. <https://doi.org/10.1155/2021/8672345>
- Luyckx, K., Goossens, L., & Soenens, B. (2011). The role of romantic relationships and partners in emerging adult identity formation: Further clarification of the self-developmental pathways model. *Journal of Adolescence, 34*(4), 895-898. <https://doi.org/10.1016/j.adolescence.2011.01.001>
- Malau-Aduli, B., & Alele, F. (2020). Definitions and Characteristics of Qualitative Research – An Introduction to Research Methods for Undergraduate Health Profession Students. *JCU Pressbooks*.
- Maree, J., Fabio, A. (2018). Integrating Personal and Career Counseling To Promote Sustainable Development And Change. *Sustainability, 11*(10), 4176. <https://doi.org/10.3390/su10114176>
- Marshall, B., Cardon, P., Poddar, A., & Fontenot, R. (2013). Does sample size matter in qualitative research? A review of qualitative interviews in IS research. *Journal of Computer Information Systems, 54*(1), 11-22.
- Martin, J. L., & Sokol, B. W. (2011). A metatheoretical analysis of the role of identity in Erikson's theory of psychosocial development. *Developmental Review, 31*(2), 138-160. <https://doi.org/10.1016/j.dr.2011.01.001>

- Martin, J., & Sokol, B. (2011). Generalized others and imaginary audiences: A symbolic interactionist perspective on childhood socialization. *Symbolic Interaction*, 34(2), 193-203.
- McCrae, R. R., & Costa, P. T. Jr. (1997). Personality trait structure as a human universal. *American Psychologist*, 52(5), 509-516.
- Md. Nawi, N. H., Din, A., & Megat Ahmad, P. H. (2019). Faktor situasi Keluarga Dan Hubungannya Dengan penghargaan sendiri Dalam Kalangan pelajar bermasalah. *Borneo International Journal of Education (BIJE)*, 1. <https://doi.org/10.51200/bije.v1i.1776>
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2015). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. Jossey-Bass.
- Mohd Fikri Yazan. (2021). Pengaruh Gaya Keibubapaan, Rakan Sebaya, Guru dan Pegangan Agama terhadap Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Remaja. *Universiti Utara Malaysia*.
- Nie, T., Yan, Q., & Chen, Y. (2022). Authoritative Parenting Style and Proactive Behaviors: Evidence from China? *Sustainability*, 14(6), 3435. <https://www.mdpi.com/2071-1050/14/6/3435>
- Nur Aina Najiehah Tarmizi, & Wan Shahrazad Wan Sulaiman. (2022). Hubungan Antara Gaya Keibubapaan, Tingkah Laku Ketagihan Pornografi dan Kepuasan Hidup dalam Kalangan Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(1), 1-13.
- Nurdin, F. N., Talib, J. A., Mokhtar, F. N., & Ab Raji, N. A. (2023). Pengaruh Gaya Asuhan Keibubapaan Dan Kecerdasan Emosi Terhadap Efikasi Kendiri Kerjaya Remaja. *Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research*, 5(1), 52-62.
- Omar, M., & Shihabudin, A. S. (2021). Gaya Asuhan Ibu Bapa, Personaliti Psiko-Spiritual dengan Daya Ketahanan Diri dalam Kalangan Pelajar Usas. *Al-Takamul al-Ma'rifi*, 4(1), 1-18.
- Omar, N. A., & Zakaria, S. M. (2019, October 11). Hubungan di antara Gaya Keibubapaan dan Kecerdasan Emosi dengan Masalah Tingkah Laku Kanak-Kanak: Satu Sorotan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(3), 1 - 7. Retrieved from <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/>
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Portal MyHEALTH. (2017). Pembentukan personaliti dan tingkah laku manusia mempunyai hubungannya yang erat dengan isu kekeluargaan. *Kementerian Kesihatan Malaysia*. Retrieved from <http://www.myhealth.gov.my>
- Raffar, Z., Aida, I. N., & Hamjah, S. H. (2019). CIRI-CIRI PERSONALITI BAPA YANG DIHARAPKAN OLEH ANAK-ANAK DALAM KELUARGA. *Al-Banjari*, 18(2).
- Sahithya, B., Raman, V. (2021). Parenting Style, Parental Personality, and Child Temperament In Children With Anxiety Disorders—a Clinical Study From India. *Indian Journal of Psychological Medicine*, 5(43), 382-391. <https://doi.org/10.1177/0253717620973376>
- Sanvictores, T., & Mendez, M. D. (2022). Types of parenting styles and effects on children. *In StatPearls. StatPearls Publishing*. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/books/NBK568743/>.
- Scheel, M., Stabb, S., Cohn, T., Duan, C., Sauer, E. (2018). Counseling Psychology Model Training Program. *The Counseling Psychologist*, 1(46), 6-49. <https://doi.org/10.1177/0011000018755512>
- Schwartz, S. J., Zamboanga, B. L., Weisskirch, R. S., & Rodriguez, L. (2009). The relationships of personal and ethnic identity exploration to indices of adaptive and maladaptive psychosocial functioning. *International Journal of Behavioral Development*, 33(2), 131-144. <https://doi.org/10.1177/0165025408098018>
- Smith, J., & Jones, A. (2020). The impact of authoritative parenting on child personality development. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 61(2), 215-224. <https://doi.org/10.1111/jcpp.13123>
- Somashekar, M., Chandrashekarappa, S., Chandana, H. (2019). Preferred Parenting Style In Rural Community and Its Association With Socio- demographic Variables: A Cross Sectional Study. *Int J Community Med Public Health*, 10(6), 4263.
- Stewart, D., & Klein, S. (2016). The use of theory in research. *International Journal of Clinical Pharmacy*, 38(3), 615-619. <https://doi.org/10.1007/s11096-015-0216-y>
- Syafiqah, S., Isa, K., & Awang Kecek, N. (2021, August). Parenting Style and Its Influence on Student Discipline Problem and Student Happiness in Malaysia (1st ed., Vols. 16– 18) [-]. *University Tun Hussein Onn Malaysia*. <https://www.ieomsociety.org/proceedings/2021india/224.pdf>
- Syamimi Afiqah Shahlal, Khairunesa Isa, & Nurul Nazihah Awang Kecek. (2021). Parenting Style and Its Influence on Student Discipline Problem and Student Happiness in Malaysia. *Proceedings of the International Conference on Industrial Engineering and Operations Management*, 775-782.
- Syed, M., & McLean, K. C. (2019). Erikson's theory of psychosocial development in society. *The Oxford Handbook of Identity Development*. <https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780199936564.013.7>
- Tondeur, J., van Braak, J., Sang, G., Voogt, J., Fisser, P., & Ottenbreit-Leftwich, A. (2012). Preparing pre-service teachers to integrate technology in education: A synthesis of qualitative evidence. *Computers & Education*, 59(1), 134-144.

- Ulya, H. (2021). Strategi coping stres pada dewasa awal dengan tipe kepribadian introvert (*Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim*).
- Wang, L., & Xing, Q. (2019). The effects of authoritarian parenting on child emotional regulation. *Journal of Applied Developmental Psychology, 64*, 101076. <https://doi.org/10.1016/j.appdev.2019.101076>
- Yazan, M. F. B. (2021). *Pengaruh Gaya Keibubapaan, Rakan Sebaya, Guru Dan Pegangan Agama Terhadap Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Remaja* (Doctoral dissertation, Tesis Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia).
- Yin, R. K. (2016). *Qualitative Research from Start to Finish* (2nd ed.). New York: The Guilford Press
- Yolanda, S. G., Ummah, T., Hamado, H., Aza, D. W., & Astuti, D. A. (2024). Studi Kualitatif Kenakalan Remaja: Tren Kenakalan di Kalangan Remaja dan Faktor Penyebabnya. *Buletin Ilmu Kebidanan dan Keperawatan, 3*(01), 25-38.
- Yuliani, S., Rahman, A. (2021). Using Creative Thinking In Defining Geometry Concepts Via Recognizing Elementary Objects, Drawing, and Writing Process Of Concept Image. *ujer, 7*(9), 1395-1408. <https://doi.org/10.13189/ujer.2021.090706>
- Zhang, Y., Wang, J., & Zhao, X. (2022). The role of emotional neglect in child personality development: A longitudinal study. *Personality and Individual Differences, 192*, 111626. <https://doi.org/10.1016/j.paid.2022.111626>